

Daripada : Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 7 Januari 2025
No. Memo : HEA/2025 – 004(03)
Perkara : Tarikh & Maklumat Penting Peperiksaan Akhir Februari 2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi I 2024/2025 Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, dan Kedoktoran bertarikh 11 Julai 2024 yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwil Akademik UiTM Shah Alam, tarikh Peperiksaan Akhir Februari 2025 ialah dari 3 sehingga 20 Februari 2025.

Sila ambil maklum perkara – perkara berikut:-

1) Tarikh Penting Berkaitan Peperiksaan

Perkara/Proses	Tarikh
Taklimat Peperiksaan	28 Januari 2025 (2.30 petang)
Minggu ulang kaji	27 – 31 Januari 2025
Tarikh mula muat naik markah ke dalam Sistem eRES	30 Januari 2024
Tarikh akhir muat naik markah ke dalam Sistem eRES	25 Februari 2024 (sebelum 12.00 t/hari)
Mesyuarat Pra – JAN	28 Februari 2025
Mesyuarat JAN	3 Mac 2025
Tarikh akhir penghantaran skrip jawapan pelajar dan Salinan LE15	13 Mac 2025

2) Sistem eRES

Sistem eRES digunakan sebagai platform untuk pensyarah/jurulatih kokurikulum memuat naik markah penilaian dan peperiksaan akhir pelajar. Bagi tujuan simpanan dan rujukan, pensyarah/jurulatih kokurikulum perlulah memuat turun LE15 dan *rawscore* setelah markah pelajar dimuat naik ke dalam sistem ini. Sistem ini boleh dicapai menerusi pautan <https://eres.uitm.edu.my/estaff/eres/login.htm>

3) Penghantaran LE15

Pensyarah/ jurulatih kokurikulum perlu menghantar salinan LE15 dan *rawscore* yang telah **disahkan** secara *hardcopy* ke Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan. Penghantaran dokumen ini bersama dengan skrip jawapan pelajar adalah amat digalakkan.

4) Kemaskini Kursus Terma 99999

KPP/KP/PA bertanggungjawab membuat semakan dan mengemaskini kursus Terma 99999 kepada Terma 88888 bagi pelajar semester akhir yang akan bergraduat pada semester ini. KPP/KP/PA diingatkan untuk membuat semakan silang (*cross checking*) dan dilaksanakan dengan teliti bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengemaskinian pelajar. Kegagalan pengemaskinian terma ini boleh menyebabkan pihak pejabat TNCAA mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pihak terlibat.

5) Pelajar Berkeperluan Khas

Pelajar yang mempunyai sesuatu masalah kesihatan/OKU yang boleh memberikan kesan dari segi kelancaran dan mengalami kesukaran menjawab peperiksaan boleh diberikan tambahan masa peperiksaan dan penggunaan komputer riba (jika perlu). Pelajar yang berkaitan boleh membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Pelajar Berkeperluan Khas (UiTMPP/HEA/UPep./16) dan dimajukan ke Bahagian Hal Ehwal Akademik **selewat – lewatnya pada 17 Januari 2024; 12.00 tengah hari**.

Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh peperiksaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan menerusi talian 04-382 3193 atau emel kepada resexam@uitm.edu.my.

Sekian.



PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 2/2

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Academic Affairs Division

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

Kampus Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

Tel : +604-3822807 Faks: +604-382 2812

Emel : heapenang@uitm.edu.my